

Tambah kenaikan: Cuepacs hantar surat rayuan kepada PM

UM 22 AUG 2009
KUALA LUMPUR 20 Ogos — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menghantar surat rayuan kepada Perdana Menteri berhubung permintaan pergerakan itu supaya kerajaan menambah kadar kenaikan RM15 untuk Kumpulan Sokongan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM).

“Cuepacs berharap permintaan ini akan mendapat pertimbangan kerajaan dan dapat mengadakan pertemuan dengan

Perdana Menteri berhubung isu itu,” kata Setiausaha Agungnya, Abd. Rahman Manan ketika dihubungi di sini hari ini.

Bagaimanapun, kata Abd. Rahman, Cuepacs yakin kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan kemampuan kewangan semasa.

“Macam manapun Cuepacs berharap kerajaan akan memberi pertimbangan mengikut kemampuan tetapi pada kadar yang lebih sesuai berbanding RM15,” katanya.

Semalam Mesyuarat Majlis Am Cuepacs sebulat suara menerima SSM menggantikan Sistem Saraan Baru tetapi tidak berpuas hati dengan empat perkara, terutamanya kenaikan RM15 kepada Kumpulan Sokongan.

Cuepacs berpendapat kenaikan RM15 jauh terlalu rendah berbanding dengan kenaikan RM65 kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kenaikan RM110 kepada kumpulan pengurusan tinggi.